

# CLOBET CREAM

Clobetasol Propionate (0.05% w/w)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Clobet cream*
2. Bagaimana *Clobet cream* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Clobet cream*
4. Cara menggunakan *Clobet cream*
5. Semasa menggunakan *Clobet cream*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Clobet cream*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Clobet cream*

*Clobet cream* digunakan dalam tempoh pendek untuk rawatan kulit yang lebih susah dirawat.. Masalah kulit termasuk ekzema, psoriasis dan dermatitis yang tidak memberi kesan yang memuaskan kepada krim steroid yang kurang kuat.

## Bagaimana *Clobet cream* berfungsi

*Clobet cream* mengandungi ubat steroid topikal yang sangat aktif yang dipanggil clobetasol propionate. Ia membantu mengurangkan bengkak, kemerahan, dan ketagalan.

## Sebelum menggunakan *Clobet cream*

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada clobetasol propionate atau mana-mana bahan lain *Clobet cream*.
- jerawat
- kemerahan kulit yang teruk pada dan di sekitar hidung anda
- Ruam merah di sekitar mulut anda
- jangkitan virus, seperti luka sejuk, herpes atau cacar air

Jangan gunakan jika mana-mana perkara di atas terjadi kepada anda. Sekiranya anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan *Clobet cream*.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Jangan guna *Clobet cream* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Ubat ini tidak boleh digunakan di kawasan yang luas, dalam jumlah yang banyak atau untuk tempoh yang berpanjangan pada wanita mengandung.

Jangan guna *Clobet cream* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat anda jika:

- anda mempunyai psoriasis, doktor anda akan mahu melihat anda lebih kerap. Sekiranya anda tidak pasti sama ada mana-mana di atas berlaku kepada anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada dilaporkan

## Cara menggunakan *Clobet cream*

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Guna *Clobet cream* di tempat yang terjejas, sekali atau dua kali sehari sehingga keadaan bertambah baik atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Clobet cream*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Clobet cream*

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Clobet cream* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya digunakan pada kanak-kanak atau di muka, tempoh penggunaan hendaklah dihadkan sehingga 5 hari jika boleh dan pembalut tidak boleh digunakan.

Muka, lebih daripada bahagian lain badan, mungkin menunjukkan perubahan penipisan selepas rawatan yang berpanjangan dengan kortikosteroid topikal yang kuat.

Sekiranya digunakan pada kelopak mata, perhatian diperlukan untuk memastikan persediaan tidak memasuki mata, kerana peningkatan tekanan mata mungkin berlaku.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Clobet cream* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Berhenti menggunakan *Clobet cream* dan beritahu doktor secepat mungkin jika:

- anda mendapati bahawa masalah kulit anda semakin teruk atau menjadi bengkak semasa rawatan. Anda mungkin alah kepada krim, mempunyai jangkitan di mana rawatan lain harus digunakan.

Kesan sampingan lain yang mungkin anda perhatikan apabila menggunakan *Clobet cream* termasuk:

- Jika anda mempunyai psoriasis, anda boleh mendapat benjolan bernanah di bawah kulit. Ini boleh berlaku semasa atau selepas rawatan.

Kesan sampingan jika anda menggunakan *Clobet cream* untuk masa yang lama, atau anda menggunakan kuantiti yang banyak setiap kali anda menggunakanannya:

- Tanda regangan mungkin berlaku.
- Salur darah di bawah permukaan kulit anda mungkin menjadi lebih ketara.
- Peningkatan pertumbuhan rambut.
- Penipisan kulit anda yang juga boleh cedera dengan lebih mudah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### *Clobet cream*

#### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di suhu tidak melebihi 30°C.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Krim Putih

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Clobetasol Propionate 0.05% w/w
- Bahan tidak aktif  
Simethicone, citric acid monohydrate, propylparaben, methylparaben, cetomacrogol 1000, propylene glycol, 2-octyldodecanol, glyceryl monostearate, mineral oil, white petrolatum, emulsifying wax, cethyl alcohol, glycerine, dibasic sodium phosphate and purified water

#### - Nombor MAL

MAL19930559AZ

## Pengilang

Biolab Company Ltd  
625 Soi, 7A,Bangpoo Industrial Estate,  
Samutprakarn 10280,  
Thailand

## Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd  
No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2  
11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

26.2.2018

## Serial Number:

NPRA(R4/1)180118/00020